

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

BET 352/3 : RACUN PEROSAK

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

93/2

(BET 352/3)

1. (a) Kelaskan racun serangga berdasarkan:

(i) struktur kimia dan

(ii) cara penggunaannya

Berikan satu contoh (sebatian) untuk setiap kumpulan racun serangga yang dikelaskan di atas.

(10 markah)

(b) Bincangkan kesan sampingan penggunaan sesuatu racun serangga.

(10 markah)

2. (a) Bincangkan konsep ketoksikan racun perosak dari segi keberkesanan dan bahaya berasaskan ketoksikan akut, ketoksikan kronik dan perumusan produk racun perosak yang digunakan.

(10 markah)

(b) Dengan contoh yang tertentu, terangkan bagaimana nilai LD50 didapati untuk sesuatu racun perosak terhadap sesuatu organisma.

(10 markah)

3. (a) Terangkan perbezaan antara tolerans, tolerans vigor dan rintangan populasi perosak terhadap sesuatu racun perosak.

(10 markah)

.../3-

(BET 352/3)

3. (b) Bincangkan faktor-faktor yang mengakibatkan masalah rintangan sesuatu racun perosak. Bagaimanakah masalah rintangan dapat dielakkan?

(10 markah)

4. (a) Dengan contoh yang tertentu, bincangkan rodentisid akut dan kronik dari segi kebaikan dan keburukan mereka apabila digunakan untuk pengawalan tikus.

(10 markah)

- (b) Bincangkan perkembangan dan cara tindakan jenis-jenis herbisid yang utama.

(10 markah)

5. Tuliskan nota untuk semua yang berikut:-

- (a) Maknifikasi biologi racun perosak
- (b) Bahan kawalatur pertumbuhan serangga (IGRs)
- (c) Fungisid sistemik
- (d) "Malu umpan" dalam penggunaan rodentisid.

(20 markah)

6. (a) Bincangkan langkah-langkah untuk rekaan dan perkembangan sesuatu racun perosak baru.

(10 markah)

(BET 352/3)

6. (b) Huraikan jenis-jenis perumusan racun perosak utama.
Berikan kandungan utama untuk setiap perumusan tersebut.

(10 markah)

-0000000-